

# MMN terima lawatan kerja

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Okt - Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat telah menerima lawatan kerja daripada rombongan seramai 36 orang peserta Program Pembangunan Eksekutif Siri 13/2016 anjuran Kementerian Pertahanan, di Bangunan Dewan Majlis, di sini, hari ini.

Para peserta berkenaan terdiri daripada pegawai-pegawai dari beberapa buah kementerian termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan dan lain-lain kementerian dan jabatan, serta dari negara-negara luar seperti China, Indonesia, Singapura,

Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam. Rombongan dialu-alukan oleh Timbalan Jurutulis, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail yang seterusnya menyampaikan ucapan.

Lawatan diteruskan dengan sesi taklimat dan penerangan mengenai Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat oleh Pegawai Perhubungan Awam, Dayang Siti Ajeerah binti Najib. Kemudiannya, rombongan dibawa melawat ke tempat-tempat utama di bangunan berkenaan seperti Bilik Chamber yang merupakan tempat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara diadakan setiap tahun.

Melalui lawatan tersebut, diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas



Gambar ramai rombongan di Jabatan Majlis-majlis Mesyuarat.

kepada rombongan mengenai fungsi dan peranan jabatan

tersebut secara lebih meluas, di samping menjadi fasilitator bagi

Majlis Mesyuarat Negara yang diadakan setiap tahun.

## Rombongan Thailand kenali Tutong



Rombongan Kampus Yala yang hadir di PESATU, Lubuk Pulau, Tutong.

Oleh Normazlina M.D

TUTONG, 17 Okt - Sebagai usaha untuk mengenali Daerah Tutong dengan lebih dekat lagi, seramai 55 orang daripada Rajapark Institut, Kampus Yala, Thailand yang diketuai oleh Pengaruhnya, Prof Madya Kasem Benchawong telah melawat beberapa buah tempat di daerah ini, pagi tadi.

Rombongan Kampus Yala mula-mula melawat Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong (PESATU) di Lubuk Pulau, Tutong dengan kedatangan mereka telah dialu-alukan oleh Penasihat PESATU, Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman bin Uking dan Yang Di-Pertua PESATU, Haji Hasbie Azrol bin Abdullah Liat bersama ahli-ahli persatuan itu.

Rombongan berkenaan telah diberi penerangan ringkas mengenai sejarah penubuhan dan peranan persatuan berkenaan dengan lebih dekat.

Pada masa ini, PESATU mempunyai 230 orang ahli dan aktif dalam menjalankan aktiviti keagamaan seperti kelas bimbingan mualaf, meraikan hari-hari kebesaran Islam, ber-

tadarus, sembahyang Tarawih berjemaah pada bulan Ramadan dan banyak lagi.

Rombongan itu kemudian melawat Lamin Sastera di Kampung Tanjong Maya yang dimiliki penyair tempatan, Haji Moksin bin Haji Kadir atau lebih dikenali sebagai K.Manis untuk mendalami kegiatan kesasteraan, kesenian dan karya penulisan di Daerah Tutong.

Di samping itu, rombongan juga berpeluang menyaksikan koleksi dan pameran buku-buku serta karya K.Manis sambil bertukar-tukar buah fikiran dan pandangan dalam menghasilkan karya penulisan sastera.

Turut hadir bagi mengalau-alukan kehadiran rombongan di Lamin Sastera ialah Penghulu Mukim Tanjong Maya, Haji Abdul Wahab bin Apong.

Sebelum ini, rombongan juga berkesempatan melawat Galeri 1K1P di Jabatan Daerah Tutong. Kedatangan mereka telah dialu-alukan oleh pegawai dan kakitangan Daerah Tutong bersama ahli Lembaga Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong.

Oleh Pg Fairol RMF

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Okt - Bersempena dengan Hafiz Al-Taharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ke-6, Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesukuran bagi bakal-bakal graduan telah diadakan di Dewan Auditorium UNISSA, petang tadi.

Seramai 103 orang bakal graduan UNISSA menyertai majlis tersebut, yang terdiri daripada 44 orang mahasiswa dan 59 orang mahasiswi dari Program Sarjana Muda, Diploma Tertinggi Kebangsaan Dirasat Islamiyyah dan Barnamij Tarqiyyah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman selaku wakil peribadi Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji

Osman.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis diikuti dengan bacaan surah-surah oleh semua bakal graduan bermula surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas.

Seterusnya, majlis diikuti dengan bacaan Takhtim oleh mahasiswa universiti berkenaan dan disudahi dengan bacaan Doa Khatam oleh Graduan Program Sarjana Muda Syariah Fiqh dan Usul, Awang Mohammad Dini bin Haji Morsidi.

Acara juga diteruskan dengan penyerahan sijil Khatam Al-Quran kepada para graduan yang diraikan oleh tetamu diiringi dengan Dikir Marhaban.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesukuran sempena para graduan telah menamatkan pengajian mereka di UNISSA oleh Graduan Program Sarjana Muda Usuluddin (Akidah dan Dakwah), Awang Norasirin bin

Haji Puting.

Tujuan majlis ini adalah untuk menanamkan dan menyuburkan budaya pembacaan Al-Quran dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi sama ada secara berseorangan atau berkumpulan.

Aktiviti seumpama ini juga akan melahirkan perasaan mencintai Al-Quran melalui penghayatan serta mengamalkan ajaran-ajarannya sebagai amalan harian khususnya selaku warga UNISSA.

Selain itu, ia juga adalah bagi menzahirkan rasa kesyukuran setelah mengikut pengajian di UNISSA di samping menjunjung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir, serta mengamalkan penghayatan terhadap falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

## UNISSA anjur majlis khatam Al-Quran, doa kesyukuran



Tetamu kehormat Dr. Haji Junaidi selaku wakil Peribadi Menteri Pendidikan.



Seramai 103 bakal graduan UNISSA menyertai majlis khatam dan doa kesyukuran terdiri daripada 44 mahasiswa dan 59 mahasiswi dari Program Sarjana Muda, Diploma Tertinggi Kebangsaan Dirasat Islamiyyah dan Barnamij Tarqiyyah.